

KEISTIMEWAAN 10 HARI TERAWAL ZULHIJAH

01 Julai 2022 | 01 Zulhijjah 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Umat Islam begitu bertuah kerana terdapat hari-hari tertentu dalam setahun yang ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Taala

untuk menggandakan pahala amalan kita. Hari ini 1 Julai 2022 bersamaan 1 Zulhijjah 1443 Hijrah, kita sedang berada pada hari pertama bulan Zulhijjah, bulan yang memiliki keistimewaannya yang tersendiri, khususnya sepuluh hari terawal pada bulan ini.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَا الْعَمَلُ فِي أَيَّامِ الْعَشْرِ أَفْضَلَ مِنَ الْعَمَلِ فِي هَذِهِ . قَالُوا وَلَا الْجِهَادُ قَالَ
وَلَا الْجِهَادُ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ يُخَاطِرُ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ بِشَيْءٍ.

Yang bermaksud: *“Tiada amalan yang dilakukan pada hari lain yang lebih baik daripada amalan pada sepuluh hari ini. Para sahabat bertanya: Walaupun jihad? Baginda menjawab: Walaupun berjihad, kecuali jika seseorang keluar dengan nyawa dan hartanya dan tidak kembali lagi (mati syahid).*

Hadis ini memberi gambaran bahawa amalan soleh yang dilakukan dalam sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah merupakan perkara yang amat disukai oleh Allah Subhanahu wa Taala. Ia lebih baik daripada pahala berjihad kecuali dia mati syahid.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah al-Fajr ayat 1 hingga 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْفَجْرِ ﴿١﴾
وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *"Demi waktu fajar. Dan demi malam yang sepuluh."*

Dalam ayat ini, Allah Subhanahu wa Taala bersumpah dengan waktu fajar dan malam yang sepuluh. Menurut Tafsir Ibnu Kathir, yang dimaksudkan dengan ‘malam yang sepuluh’ adalah sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah. Allah Subhanahu wa Taala juga berfirman dalam surah al-Hajj ayat 28:

وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ

Yang bermaksud: *"Dan supaya menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu."*

‘Hari-hari yang tertentu’ itu adalah sepuluh hari terawal bulan Zulhijjah, menurut pandangan jumhur ulama. Maka kita digalakkan banyak berzikir atau menyebut nama Allah Subhanahu wa-Ta’ala pada hari-hari tersebut.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Apabila diteliti hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka didapati bahawa Baginda banyak mengisi sepuluh hari terawal Zulhijjah ini dengan berzikir, berpuasa sunat dan mendirikan qiamullail. Kita juga dianjurkan supaya membaca al-Quran dan memperbanyakkan tasbih, takbir, tahmid dan tahlil. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:

“Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramal soleh selain sepuluh hari ini. Maka, memperbanyakkan bertasbih, bertakbir, bertahmid dan bertahlil.”

Bagi mereka yang akan melakukan ibadah korban pula, disunatkan supaya mereka tidak memotong kuku, mencabut dan mencukur rambut atau bulu di badan bermula 1 Zulhijjah ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita beramai-ramai mengimarahkan masjid atau surau yang berhampiran dengan kediaman atau tempat kerja kita pada setiap waktu solat dan juga menjauhi segala perlakuan yang mendatangkan dosa seperti menghadiri pesta-pesta maksiat dan mempersia-siakan waktu lapang dengan melakukan perbuatan yang tidak berfaedah. Penuhilah waktu kita dengan ibadah. Moga-moga kita mendapat ganjaran pahala yang besar. Pada 9 Zulhijjah nanti, marilah kita sama-sama menunaikan puasa Arafah. Ia mengandungi kelebihan yang amat besar. Apabila ditanya tentang puasa Arafah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ

Yang bermaksud: “(Puasa pada hari tersebut) akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang”.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ
أُعدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Yang bermaksud: "Dan bersegeralah kamu mencari keampunan dari Tuhanmu dan mendapatkan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa."

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.